

NO. SOALAN : 230

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN V. SIVAKUMAR

RUJUKAN : 8806

SOALAN:

Tuan V. Sivakumar [Batu Gajah] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sama ada Kementerian sedar atau tidak bahawa ramai warga asing telah membuka perniagaan di negara kita dengan menggunakan nama proksi orang tempatan. Ini adalah satu masalah yang boleh menghilangkan peluang perniagaan kepada warga tempatan. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah ini.

JAWAPAN:

Pada ketika ini Kerajaan mengguna pakai pendekatan Operasi Bersepadu yang juga telah diperkasakan lagi dengan pelaksanaan Pelan Penguatkuasaan PATI Secara Holistik yang bertujuan untuk mewujudkan satu ekosistem tidak selesa kepada PATI untuk meneruskan kehidupan seharian mereka. Operasi yang berterusan secara bersepadu ini melibatkan pelbagai agensi penguatkuasaan termasuk Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Usaha ini, selain daripada kerjasama bersepadu di antara agensi-agensi penguatkuasa, juga menekankan akan kesedaran masyarakat setempat. Ingin dimaklumkan, antara kekuatan Pelan ini adalah mengoptimumkan sumber sedia ada melalui Prinsip Strategi Lautan Biru Kebangsaan yang melibatkan kerjasama pelbagai agensi di peringkat Persekutuan, Negeri dan seterusnya Pihak Berkuasa Tempatan.

Dari aspek lain, ingin ditekan bahawa konsep perundangan secara *strict liability* telah diperkenalkan bagi kesalahan pemajakan lesen perniagaan kepada warga asing. Konsep ini menekankan bahawa lesen perniagaan boleh dirampas dan nama pemegang lesen dan ahli keluarga terdekat disenarai hitam serta merta sekiranya terbukti berlaku kesalahan pemajakan lesen perniagaan kepada warga asing. Pelaksanaan perkara ini memerlukan kerjasama pihak Kerajaan di peringkat Negeri dan terutamanya Pihak Berkuasa Tempatan.

Di peringkat Jabatan Imigresen pula, tindakan undang-undang di bawah Seksyen 55B, Akta Imigresen 1959/63 (Pindaan 2002) boleh diambil terhadap majikan yang ditangkap kerana menggaji warga asing untuk bekerja di negara ini tanpa permit yang sah. Dari tahun 2013 sehingga Februari 2014 seramai 242 orang majikan telah ditangkap atas kesalahan melanggar Seksyen 55B Akta Imigresen.